## Mohandass a/l Viran v Annuradha a/p Turasamy

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PETISYEN PENCERAIAN NO 33–494 TAHUN 2010
YAACOB MD SAM H
16 JANUARI 2013

*Undang-Undang Keluarga — Aset-aset perkahwinan — Penentuan aset-aset yang terjumlah kepada aset-aset perkahwinan — Hak ke atas rumah perkahwinan — Pindah milik setengah daripada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja*

*Undang-Undang Keluarga — Penceraian — Kanak-kanak — Penjagaan dan kawalan dan hak pemeliharaan ke atas anak perkahwinan — Akses tidak terhad ke atas anak perkahwinan — Nafkah penyumbangan dan penyaraan ke atas anak perkahwinan*

Pempetisyen dan responden telah berkahwin dan mempunyai seorang anak perempuan ('anak perkahwinan') berumur kira-kira lima tahun dua bulan. Akibat masalah rumahtangga, responden telah keluar dari rumah perkahwinan dengan membawa bersama-sama dengannya anak perkahwinan tersebut. Pempetisyen dan responden telah tinggal secara berasingan. Dalam petisyen ini, pempetisyen memohon, antara lain, agar perkahwinan antaranya dan responden dibubarkan; hak penjagaan dan kawalan ke atas anak perkahwinan diberikan kepada pempetisyen dan responden secara bersama; hak pemeliharaan anak perkahwinan diberikan kepada responden dan pempetisyen diberikan akses yang tidak terhad berserta hak bermalam dengan anak perkahwinan; pempetisyen membayar RM400 sebulan kepada responden sebagai nafkah penyumbangan dan penyaraan ke atas anak perkahwinan; dan agar responden memindahkan hak 50% ke atas rumah perkahwinan mereka. Sebagai jawapan, responden memohon, antara lain, agar pempetisyen memindah milik setengah daripada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') pempetisyen kepada responden apabila pempetisyen membuat sebarang pengeluaran.

**Diputuskan:**

(1) Perkahwinan tersebut dibubarkan dan *dekri nisi* dijadikan mutlak selepas tiga bulan. Pempetisyen dan responden diberikan hak penjagaan bersama ke atas anak perkahwinan. Responden isteri diberikan hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak perkahwinan. Pempetisyen diberikan akses ke atas anak perkahwinan pada waktu dan tempat yang telah ditetapkan atau di suatu tempat lain dengan persetujuan terlebih dahulu oleh kedua-dua pihak (lihat perenggan 15).

(2) Seksyen 77 dan 78 Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ('Akta') memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan suami membayar nafkah kepada isterinya setelah sesuatu perkahwinan dibubarkan. Peruntukan undang-undang tersebut mengatakan untuk mahkamah melihat kepada 'means and needs of parties'. Setelah menimbangkan 'means and needs' pihak-pihak dan panduan berdasarkan prinsip undang-undang yang dirujuk, mahkamah berpendapat bahawa tuntutan bagi nafkah diri oleh responden bermerit. Kadar sejumlah RM500 adalah munasabah untuk diperintahkan ke atas pempetisyen bagi membayar nafkah bulanan kepada responden (lihat perenggan 16).

(3) Seksyen 92 dibaca bersama s 93 Akta memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab 'primary' bapa kanak-kanak untuk menanggung nafkah anak-anaknya. Tugas ibu dalam nafkah anak-anaknya hanya bersifat 'secondary' berbanding tanggungjawab bapa. Kadar yang munasabah bagi pempetisyen diperintahkan untuk membayar nafkah kanak-kanak ialah RM800 sebulan (lihat perenggan 21).

(4) Adalah suatu yang adil dan wajar untuk pembahagian ke atas harta perkahwinan dibahagikan sama rata antara pempetisyen dan responden. Adalah lebih berfaedah kepada pihak-pihak bagi rumah perkahwinan dijualkan kerana ianya akan melepaskan tanggungan kewangan pihak-pihak ke atasnya bagi jangka panjang. Adalah diperintahkan bahawa rumah perkahwinan dijual dalam tempoh enam bulan daripada tarikh perintah ini pada harga pasaran semasa dan hasil jualan setelah ditolak baki hutang pinjaman bank serta kos urusan jualan, dibahagikan sama rata antara pempetisyen dan responden (lihat perenggan 26).

(5) Adalah undang-undang yang mantap bahawa simpanan KWSP disifatkan sebagai sebahagian daripada harta perkahwinan. Responden sewajarnya diberikan 1/4 bahagian ke atas jumlah wang yang terdapat di dalam akaun KWSP pempetisyen setakat tarikh perintah ini. Pempetisyen diperintahkan memindah milik/membayar 1/4 daripada caruman KWSP pempetisyen yang terkumpul setakat tarikh perintah ini kepada responden apabila pempetisyen layak membuat pengeluaran. Bagi memberi kesan kepada perintah ini, pempetisyen dikehendaki membuat penamaan bahawa responden adalah benefisiari sejumlah 1/4 jumlah wang KWSP pempetisyen (lihat perenggan 27 & 31).

**[English summary**

The petitioner and the respondent were married and had a daughter ('child of the marriage') of approximately five years and two months. Due to marital problems, the respondent had left the matrimonial home taking the child of the marriage with her. The petitioner and the respondent had been living separately. In this petition, the petitioner sought, inter alia, that the marriage

between him and the respondent be dissolved; the custody and control towards the child of the marriage be given jointly to the petitioner and the respondent; the right to bringing up the child of the marriage be given to the respondent and the petitioner be given unlimited access as well as right to spend night with the child of the marriage; petitioner pay RM400 a month to the respondent as contribution and maintenance of the child of the marriage; and that the respondent transfer 50% to the matrimonial home. In reply, the respondent claimed, inter alia, that the petitioner transfer half of the petitioner's contribution to the Employee's Provident Fund ('EPF') to the respondent when the petitioner make any withdrawal.

**Held:**

(1) The marriage was dissolved and the decree nisi was made absolute after three months. The petitioner and the respondent were allowed the joint custody of the child of the marriage. The respondent wife was given the right to care, bringing up and control of the child of the marriage. The petitioner was given access to the child of the marriage on the time and place as fixed or another place with the prior agreement by both parties (see para 15).

(2) Sections 77 and 78 of the Law Reform (Marriage and Dissolution) Act 1976 ('the Act') allowed the right to the court to order the husband pay maintenance to the wife once a marriage is dissolved. The provision of the law stated for the court to assess the means and needs of the parties. Upon considering the means and needs of the parties and guided by the legal principles referred to, the court was of the view that the claim for the self maintenance of the respondent was with merit. The amount of RM500 was reasonable to be ordered on the petitioner to pay monthly maintenance to the respondent (see para 16).

(3) Section 92 read together with s 93 of the Act provided that it was the primary responsibility of the child's father to maintain the children. The duty of the mother in maintenance of the children was only secondary in nature as compared to the father's responsibility. The reasonable amount to be ordered for the petitioner for maintenance of the child was RM800 a month (see para 21).

(4) It was fair and appropriate for the division of the matrimonial property to be divided equally between the petitioner and the respondent. It was more beneficial for the parties if the matrimonial home was sold as it would relieve the financial burden of the parties on it in the long term. It was ordered that the matrimonial home be sold within the duration of six months from the date of this order on the current market price and the proceeds after deducting the bank loan as the costs of sale processes, be divided in equal share between the petitioner and the respondent (see para 26).

(5) It is established law that the EPF savings is regarded as part of the matrimonial property. The respondent should give 1/4 share on the amount in the EPF account of the petitioner until the date of this order. The petitioner was ordered to transfer/pay 1/4 of the contribution to the EPF that was saved up to the date of this order to the respondent when the petitioner was eligible for withdrawal. In order to give effect to this order the petitioner must name that the respondent as the beneficiary of 1/4 of the amount of the monies in the petitioner's EPF (see paras 27 & 31).]

**Nota-nota**

Untuk kes mengenai kanak-kanak, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 3616.

Untuk kes mengenai penentuan aset-aset yang terjumlah kepada aset-aset perkahwinan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 4103.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Ching Seng Woah v Lim Shook Lin* [1997] 1 MLJ 109; [1997] 1 CLJ 375, MR (dirujuk)

*Lim Kuen Kuen v Hiew Kim Fook & Anor* [1994] 2 MLJ 693; [1994] 3 CLJ 471, MT (dirujuk)

*Ong Chin Ngoh v Lam Chin Kian* [1992] 2 SLR 414, MT (dirujuk)

*Raquiza v Raquiza* [1947] 1 MLJ 202; [1947] 1 LNS 85 (dirujuk)

*Tham Yin Kee (P) v Lim Hee Peng* [2002] MLJU 185; [2002] 1 LNS 9, MT (dirujuk)

*Wong Kim Foong (F) v Teau Ah Kau @ Chong Kwong Fatt* [1998] 1 MLJ 359; [1998] 1 CLJ 358, MT (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ss 76, 77, 78, 92, 93, 94

*Mohandass a/l Viran (mewakili diri sendiri) bagi pihak pempetisyen.*
*Jean Pragasam (Christina Lau bersamanya) (Ho-Noeker & Pragasam) bagi pihak responden.*

**Yaacob Md Sam H:**

PETISYEN SUAMI

**[1]** Petisyen penceraian ini dikemukakan oleh pempetisyen suami bagi mendapatkan perintah-perintah berikut (ms 4–5 ikatan pliding - A):

(a) bahawa perkahwinan di antara pempetisyen dan responden dibubarkan;

(b) bahawa hak penjagaan dan kawalan (*custody and control*) ke atas anak perkahwinan diberikan kepada pempetisyen dan responden secara bersama (*joint custody and control*);

(c) bahawa hak pemeliharaan anak perkahwinan diberikan kepada responden dan pempetisyen diberikan akses yang tidak terhad berserta hak bermalam dengan anak perkahwinan;

(d) bahawa pempetisyen membayar RM400 sebulan kepada responden sebagai nafkah penyumbangan dan penyaraan ke atas anak perkahwinan bermula dari tarikh perintah ini;

(e) responden memindahkan hak 50% ke atas rumah di Lot No 15, rumah teres dua tingkat yang terletak di bawah pegangan HS(M) 6813 PT No 2515, Mukim Rawang, Tempat Batu 16, Rawang, Selangor kepada pempetisyen dengan menandatangani dokumen-dokumen berkaitan pemindahan;

(f) responden dan pempetisyen menanggung segala kos perubatan dan pergigian anak perkahwinan;

(g) kos petisyen ini dan juga kos peguamcara ditanggung oleh responden; dan

(h) lain-lain relief yang dianggap munasabah oleh mahkamah ini.

JAWAPAN KEPADA PETISYEN OLEH RESPONDEN ISTERI

**[2]** Melalui jawapan kepada petisyen, responden isteri memohon bagi mendapatkan perintah atas perkara-perkara berikut (ms 34–36 ikatan pliding - A):

(a) bahawa semua yang dipohon oleh pempetisyen ('suami') ditolak dengan kos dengan pengecualian pembubaran perkahwinan tersebut dan *dekri nisi* dijadikan mutlak selepas tiga bulan;

(b) bahawa pempetisyen dan responden diberi hak penjagaan bersama (*joint guardianship*) ke atas anak perkahwinan bernama Kaveeya Mohandass;

(c) bahawa responden diberi hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan (*sole custody, care and control*) ke atas anak perkahwinan;

(d) bahawa pempetisyen membayar nafkah bagi anak perkahwinan tersebut sebanyak RM1,000 sebulan sehingga kanak-kanak tersebut mendapat ijazah pertama;

(e) bahawa pempetisyen membayar untuk segala perbelanjaan pendidikan anak perkahwinan tersebut termasuk yuran tuisyen dan juga yuran kegiatan-kegiatan yang lain dan juga yuran pengangkutan kanak-kanak;

(f) bahawa pempetisyen bertanggungjawab terhadap segala perbelanjaan pendidikan sehingga anak perkahwinan tersebut memperolehi ijazah pertama;

(g) bahawa pempetisyen menanggung segala perbelanjaan perubatan anak perkahwinan tersebut;

(h) bahawa pempetisyen membayar nafkah bulanan bagi responden sebanyak RM500;

(i) bahawa pempetisyen dan responden memegang amanah rumah teres dua tingkat yang terletak HS (M) 6813 PT No 2515, Mukim Rawang, Tempat Batu 16, Rawang, Selangor sebagai pemegang amanah bagi anak perkahwinan tersebut;

(j) bahawa pempetisyen memindah milik setengah dari caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') pempetisyen kepada responden apabila pempetisyen membuat sebarang pengeluaran;

(k) bahawa pempetisyen diberi akses setiap hujung minggu kedua dan keempat dari pukul 10 pagi hingga 7.30 petang pada hari Sabtu dan Ahad;

(l) bahawa pempetisyen membayar semua kos guaman; dan

(m) lain-lain perintah yang difikirkan suai dan manfaat oleh mahkamah ini.

## PERBICARAAN KES

**[3]** Petisyen ini telah dibicarakan secara perbicaraan penuh. Pempetisyen memberi keterangan bagi dirinya sendiri ('SP1'). Pempetisyen telah mengemukakan pernyataan saksi bertulis beliau bagi tujuan pemeriksaan utama. Ketika peringkat keterangan oleh pempetisyen, beliau diwakili oleh peguamcara. Bagaimanapun semasa peringkat kes responden, pempetisyen mewakili dirinya sendiri sehingga tamat perbicaraan petisyen ini. Ini adalah kerana pempetisyen telah menamatkan khidmat peguamcara yang mewakilinya setelah selesai kes peringkat keterangan pempetisyen. Mahkamah telah menerangkan kepada pempetisyen tentang tatacara dan kaedah prosiding kes bagi difahami oleh pempetisyen apabila mewakili dirinya sendiri. Mahkamah dapati pempetisyen faham dan telah melakukan soal balas yang panjang lebar terhadap responden.

**[4]** Sebelum responden mula memberi keterangan, pempetisyen memberitahu mahkamah bahawa pempetisyen tidak mahu meneruskan kes dan memohon mencadangkan suatu penyelesaian kepada responden dengan terma-terma yang diberikan oleh pempetisyen. Bagaimanapun, responden

telah menolak cadangan penyelesaian oleh pempetisyen itu dan responden memohon supaya petisyen balas responden dibicarakan oleh mahkamah. Sebaik responden menolak cadangan penyelesaian pempetisyen dan memohon supaya petisyen balas responden dibicarakan, pempetisyen telah membuat permohonan kepada mahkamah ini untuk menarik balik petisyen beliau ini dan tidak mahu lagi meneruskan petisyen beliau. Mahkamah dengan itu membuat perintah bagi petisyen dan tuntutan oleh pempetisyen dibatalkan. Oleh itu mahkamah telah meneruskan kes bicara berkaitan petisyen balas responden isteri bagi *prayer-prayer* oleh responden isteri yang telah dibutirkan di perenggan (2) di atas.

**[5]** Responden isteri memanggil dua orang saksi bagi memberi keterangan; iaitu En Mohamad Zauharil bin Sallehuddin dari Jabatan Caruman KWSP ('SD1'); dan pempetisyen sendiri ('SD2'). Responden juga telah mengemukakan pernyataan bertulis saksi beliau bagi tujuan pemeriksaan utama.

**[6]** Semasa kes peringkat keterangan responden, pempetisyen telah mengatakan bahawa beliau hanya memohon diberikan akses ke atas kanak-kanak perkahwinan bernama Kaveeya Mohandass pada setiap dua minggu sekali pada hari Ahad (berselang minggu) dari jam 10 pagi hingga jam 6 petang dan akses tersebut akan berjalan di kompleks membeli belah '1 Utama' Damansara. Responden bersetuju di atas perkara akses seperti yang dicadangkan oleh pempetisyen tersebut. Oleh yang demikian, tidak lagi timbul isu hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan ke atas kanak-kanak perkahwinan untuk dibicarakan. Mahkamah dengan itu memerintahkan supaya kanak-kanak perkahwinan bernama Kaveeya Mohandas (berumur 5 tahun) diberikan hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan kepada responden isteri dengan hak akses diberikan kepada pempetisyen ke atas kanak-kanak perkahwinan pada setiap dua minggu sekali pada hari Ahad (berselang minggu) dari jam 10 pagi hingga jam 6 petang dan akses tersebut akan berjalan di kompleks membeli belah '1 Utama' Damansara.

LATAR BELAKANG KES SECARA RINGKAS

**[7]** Pempetisyen dan responden telah berkahwin pada 27 November 2005. Selepas perkahwinan, kedua-dua mereka tinggal bersama di alamat No 40, Lorong 3, Green Park, Rawang, Selangor iaitu rumah perkahwinan. Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka mendapat seorang anak perempuan bernama Kaveeya Mohandass yang lahir pada 21 Oktober 2007 (eksh D2). Kanak-kanak tersebut kini berumur lebih kurang 5 tahun 2 bulan berada di bawah jagaan responden. Pada 21 Jun 2009 akibat daripada masalah di dalam perkahwinan mereka, responden telah keluar dari rumah perkahwinan dengan membawa bersama anak perkahwinan tersebut. Sejak tarikh 26 Januari 2009

tersebut pempetisyen dan responden telah tinggal secara berasingan. Pempetisyen kini berumur 35 tahun manakala responden pula 31 tahun.

PERINTAH INTERIM BERTARIKH 30 NOVEMBER 2010

**[8]** Pada 30 November 2010 satu perintah interim telah dibuat oleh mahkamah bagi membenarkan pempetisyen mendapat akses ke atas anak perkahwinan bernama Kaveeya pada setiap hari Ahad dari jam 10 pagi hingga 5 petang di pusat membeli belah Subang Parade (eksh D11). Perintah interim itu juga memerintahkan pempetisyen membayar nafkah anak perkahwinan tersebut sebanyak RM600 sebulan. Bagaimanapun sehingga Ogos 2012 terdapat tunggakan sejumlah RM10,200 bagi nafkah anak perkahwinan yang gagal dibayar oleh pempetisyen iaitu sejak bulan April 2011–Ogos 2012.

KETERANGAN KES

**[9]** Pempetisyen berkerja sebagai seorang *senior engineer* di Mahindra Satyam dengan pendapatan bulanan sekitar RM6,000 sebulan (ekshs P13A dan P13B — penyata petisyen gaji bulan Jun–Julai 2011). Responden pula sejak mulai bulan Januari 2012 bekerja di MBF Printing Sdn Bhd dengan pendapatan bulanan sekitar RM2,600 sebulan (eksh D6). Sebelum berkahwin responden berkerja sebagai 'customer service personnel' di Samsung Service Centre USJ1 dan responden telah berhenti kerja pada sekitar bulan Jun 2006 sebelum kanak-kanak perkahwinan dilahirkan. Pempetisyen pula sebelumnya bekerja di Ambank Bhd sebagai 'senior administrator'.

**[10]** Keterangan oleh saksi SD1 pegawai dari KWSP mengatakan mengikut rekod KWSP setakat 31 Disember 2011, terdapat sejumlah RM161,347.47 sen di dalam akaun KWSP pempetisyen. Tiada apa-apa pengeluaran simpanan/caruman dibuat pada tahun 2011. Bagaimanapun pada tahun 2007 terdapat satu pengeluaran dibuat dari akaun KWSP pempetisyen sebanyak RM32,897.38. Pada akhir tahun 2005 (perkahwinan pada 27 November 2005) terdapat sejumlah RM61,399.39 di dalam akaun KWSP pempetisyen. Setakat 31 Jun 2012 terdapat sejumlah RM174,181.47 di dalam akaun KWSP pempetisyen.

**[11]** Responden (SD2) mengatakan keperluan perbelanjaan bagi anak perkahwinan bernama Kaveeya ketika ini adalah sekitar RM1,050 yang meliputi yuran sekolah RM320, pengangkutan RM80, kos penjaga (*baby sitting*) RM300, pakaian dan keperluan toiletris/diapers RM150 dan makanan RM200 (eksh D7).

**[12]** Bagi diri responden, perbelanjaan rumah adalah sekitar RM1,500 sebulan yang meliputi bayaran bagi utiliti sebanyak RM200, keperluan dapur

RM200, makanan RM200, bayaran bulanan pinjaman bagi kereta RM450 dan petrol RM340 (eksh D8). Bagi bil telefon bimbit responden ialah RM80 dan makan tengahari RM260 (eksh D10).

**[13]** Terdapat satu harta yang dibeli semasa perkahwinan iaitu sebuah rumah teres dua tingkat di atas Lot No 15, HS (M) 6813 PT No 1515 Mukim Rawang, Gombak, Selangor beralamat No 40, Lorong 3, Green Park, Rawang, Selangor yang dibeli secara bersama oleh pempetisyen dan responden dengan mendapatkan pembiayaan pinjaman daripada Hong Leong Bank. Ketika ini pempetisyen masih membayar ansuran bulanan bagi pinjaman tersebut sebanyak RM1,600 sebulan.

**[14]** Pempetisyen telah mengemukakan slip penyata gaji beliau bagi bulan Jun 2011 (eksh P13A) dan Julai 2011 (eksh P13B) yang melihatkan gaji kasar pempetisyen pada bulan Jun 2011 ialah RM6,112 dan gaji bersih RM5024.42; bagi bulan Julai 2011 gaji kasar RM6,084 dan gaji bersih RM5,000 setelah dibuat potongan EPF sebanyak RM541, SOCSO sebanyak RM14.83 sen dan PCB sebanyak RM531.75. Baki bersih gaji pempetisyen sekitar RM5,000 sebulan.

PEMBUBARAN PERKAHWINAN

**[15]** Kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa perkahwinan tersebut telah menjadi pecah belah dan tidak lagi boleh dipulihkan dan dengan itu memohon supaya perkahwinan tersebut dibubarkan. Keterangan yang terdapat juga melihatkan perkahwinan tersebut telah menjadi pecah belah dan tidak lagi boleh diselamatkan. Usaha perdamaian oleh Majlis Pendamai/Tribunal Perkahwinan juga telah gagal dan satu sijil perakuan bertarikh 19 Januari 2010 telah dikeluarkan.

Keretakan hubungan pihak-pihak dapat digambarkan melalui laporan polis yang dibuat oleh masing-masing pihak terhadap satu sama lain (ekshs P3, P17, D2 dan D14). Di atas keterangan yang terdapat itu, mahkamah membenarkan dan memerintahkan supaya perkahwinan di antara pempetisyen dan responden dibubarkan dengan *dekri nisi* tiga bulan dan akan menjadi mutlak selepas tiga bulan tersebut.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

*Nafkah bagi responden isteri*

**[16]** Seksyen 77 and 78 Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 memberi kuasa kepada mahkamah bagi memerintahkan suami bagi membayar nafkah kepada isterinya setelah sesuatu perkahwinan

dibubarkan. Di dalam menimbangkan kadar nafkah yang sesuai diperintahkan, peruntukan undang-undang tersebut mengatakan untuk mahkamah melihat kepada 'means and needs of parties'. Responden memohon bagi nafkah bulanan dirinya sebanyak RM500 sebulan bagi menampung keperluan perbelanjaannya sekitar RM1,500 sebulan. Pendapatan bulanan responden skitar RM2,600. Pendapatan bersih pempetisyen pula sekitar RM5,000 sebulan tidak termasuk tanggungan bagi membayar ansuran bulanan rumah perkahwinan sebanyak RM1,600 sebulan meninggalkan baki sebanyak RM3,400 sebulan.

**[17]** Di dalam kes *Raquiza v Raquiza* [1947] 1 MLJ 202; [1947] 1 LNS 85 Brown J mengatakan seperti berikut:

> … It is a husband's common law duty to maintain his wife and the onus is upon him to show that for some good reason he is excused from the performance of that duty. Such a reason would be if he could show that his wife is living in adultery, or if without sufficient reason she refuses to live with her husband. But there is nothing in the evidence in this case which excuses him from the performance of his duty to maintain his wife by the fact that she has money of her own.

**[18]** Prinsip yang sama yang diamalkan di bawah *common law* telah diperuntukkan oleh ss 77 and 78 Akta sebagai suatu peruntukan statutori. Responden mengatakan sumbangan bayaran nafkah sebanyak RM500 yang dipohonkannya akan dapat meringankan bebanan responden dalam keperluan perbelanjaan bagi dirinya. Responden sekarang tinggal bersama ibu bapanya di rumah sewa. Pempetisyen sebaliknya mengatakan responden isteri yang mempunyai pendapatan bagi dirinya sendiri adalah mampu menampung segala keperluan perbelanjaan diri responden dan dengan itu pempetisyen tidak wajar membayar sebarang nafkah diri kepada responden.

**[19]** Setelah menimbangkan 'means and needs' pihak-pihak dan panduan dari prinsip undang-undang yang dirujukkan, mahkamah berpendapat tuntutan bagi nafkah diri oleh responden mempunyai merit. Mahkamah berpendapat kadar sejumlah RM500 adalah munasabah untuk diperintahkan ke atas pempetisyen bagi membayar nafkah bulanan kepada responden.

NAFKAH BAGI ANAK PERKAHWINAN

**[20]** Responden memohon bagi nafkah anak perkahwinan sebanyak RM1,000 sebulan dibayar oleh pempetisyen. Mahkamah telah membutirkan diawal penghakiman ini pecahan keperluan perbelanjaan bagi anak perkahwinan tersebut yang memerlukan perbelanjaan sekitar RM1,050 sebulan. Kanak-kanak perempuan tersebut kini berumur 5 tahun 2 bulan dan telah memasuki kelas tadika.

**[21]** Seksyen 92 dibaca bersama s 93 Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 mengatakan adalah menjadi tanggungjawab *primary* bapa kanak-kanak bagi menanggung nafkah anak-anaknya. Tugas ibu di dalam nafkah anak-anaknya hanya bersifat 'secondary' berbanding tanggungjawab bapa.

**[22]** Setelah menimbangkan faktor-faktor yang perlu sebagaimana panduan yang diberikan oleh ss 92 dan 94 Akta, keupayaan dan kemampuan pihak-pihak, mahkamah berpendapat kadar yang munasabah bagi pempetisyen diperintahkan untuk membayar nafkah kanak-kanak ialah RM800 sebulan. Ini bermakna pempetisyen akan mempunyai baki gaji bulanan sekitar RM2,300 bagi keperluan perbelanjaan dirinya. Kedudukan kewangan pempetisyen mungkin akan menjadi lebih baik apabila makkamah membuat perintah berkaitan harta perkahwinan nanti yang akan melepaskan pihak-pihak daripada bebanan hutang bulanan yang agak besar dalam membayar balik pinjaman perumahan bagi harta perkahwinan.

RUMAH PERKAHWINAN

**[23]** Seperti yang dinyatakan di awal penghakiman ini, terdapat satu harta ('rumah perkahwinan') yang dibeli semasa perkahwinan iaitu sebuah rumah teres dua tingkat di atas Lot No 15, HS (M) 6813 PT No 1515, Taman Setia Jaya Mukim Rawang, Gombak, Selangor beralamat No 40, Lorong 3, Green Park, Rawang, Selangor yang dibeli secara bersama oleh pempetisyen dan responden pada 25 September 2007 dengan mendapatkan pembiayaan pinjaman daripada Hong Leong Bank (eksh P9). Ketika ini pempetisyen masih membayar ansuran bulanan bagi pinjaman tersebut sebanyak RM1,617 sebulan (eksh P11). Harga belian ialah RM218,000. Pada awalnya ansuran bulanan bayaran semula pinjaman adalah RM1,200 tetapi telah dinaikkan kepada RM1,600 sebulan. Responden mengatakan beliau menyumbangkan RM7,000 semasa pembelian rumah tersebut dengan menggunakan wang dari simpanannya. Bagaimanapun sebahagian besar daripada pembayaran awal bagi pembelian rumah ini adalah disumbangkan oleh pempetisyen yang mengeluarkan sebahagian wang daripada akaun KWSP pempetisyen. Responden telah berhenti kerja sebelum melahirkan anak perkahwinan dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada rumahtangganya. Keterangan ini tidak dicabar oleh pempetisyen.

**[24]** Seksyen 76 Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 memberikan kuasa dan panduan kepada mahkamah dalam membuat perintah pembahagian ke atas harta perkahwinan semasa perkahwinan tersebut dibubarkan. Seksyen 76 tersebut memperuntukkan seperti berikut:

S. 76

1 The court shall have power, when granting a decree of divorce or judicial separation, to order the division between the parties of any assets acquired by them during the marriage by their joint efforts or the sale of any such assets and the division between the parties of the proceeds of sale.

2 In exercising the power conferred in subsection (1) the court shall have regard to —

(a) the extent of the contribution made by each party in money, property or work towards the acquiring of the assets;

(b) any debts owing by either party which were contracted for their joint benefits;

(c) the needs of the minor children, if any, of the marriage, and subject to those considerations, the court shall incline towards equality of division.

**[25]** Dalam kes *Wong Kim Foong (F) v Teau Ah Kau @ Chong Kwong Fatt* [1998] 1 MLJ 359; [1998] 1 CLJ 358 Abdul Malik J (beliau ketika itu) mengatakan dan memutuskan seperti berikut:

> … on a true construction of s 76 of the Act, a spouse's contribution to the welfare of the family is a relevant consideration. The petitioner contributed a great amount to the welfare of the family. As such, both the houses were to be divided equally between the parties.

**[26]** Setelah menimbangkan keterangan yang ada dan menerima pakai prinsip undang-undang yang dirujukkan di atas berkaitan harta perkahwinan, mahkamah berpendapat adalah suatu yang adil dan wajar untuk pembahagian ke atas harta perkahwinan tersebut dibahagikan sama rata di antara pempetisyen dan responden. Mahkamah berpendapat adalah lebih berfaedah kepada pihak-pihak bagi rumah perkahwinan dijualkan kerana ianya akan melepaskan tanggungan kewangan pihak-pihak ke atasnya bagi jangka panjang. Mahkamah juga berpendapat cadangan oleh pempetisyen bagi rumah perkahwinan di 'refinance' atas nama pempetisyen dan hasil dari *refinance* tersebut digunakan untuk membayar baki pinjaman dan jika ada baki dibahagikan sama rata adalah tidak sesuai kerana ianya tidak akan menyelesaikan isu berkaitan hak pihak-pihak ke atas rumah perkahwinan. Responden juga tidak bersetuju ke atasnya. Oleh yang demikian adalah diperintahkan bahawa rumah perkahwinan yang terletak HS (M) 6813 PT No 2515, Mukim Rawang, Tempat Batu 16, Rawang, Selangor beralamat No 40, Lorong 3, Green Park, Rawang, Selangor dijual dalam tempoh enam bulan daripada tarikh perintah ini pada harga pasaran semasa dan hasil jualan setelah ditolak baki hutang pinjaman bank serta kos urusan jualan, dibahagikan sama

rata di antara pempetisyen dan responden.

ISU BERKAITAN WANG KWSP

**[27]** Seperti yang dinyatakan pada awal penghakiman ini, mahkamah telah mendengar keterangan daripada pegawai KWSP berkaitan akaun KWSP pempetisyen. Responden menuntut separuh (50%) bahagian terhadap jumlah wang yang terdapat dibawah akaun tersebut. Adalah undang-undang yang *trite* bahawa simpanan KWSP disifatkan sebagai sebahagian daripada harta perkahwinan. Isunya hanya pada takat mana pihak-pihak berhak mendapatkan bahagian keatasnya.

**[28]** Di dalam kes *Lim Kuen Kuen v Hiew Kim Fook & Anor* [1994] 2 MLJ 693; [1994] 3 CLJ 471 Mohd Hishamudin JC (beliau ketika itu) yang merujuk kepada penghakiman Chang Sek Keong J dalam kes *Ong Chin Ngoh v Lam Chin Kian* [1992] 2 SLR 414 yang telah mengatakan seperti berikut:

> CPF ('Central Provident Fund') contributions are compulsory. They are part of the wages or salaries of workers and employees. They constitute a valuable source of funds upon their retirement, whether for themselves alone or for themselves and their families. They are matrimonial assets if acquiring during the marriage. If the CPF contributions were not deducted from the wages or salary of a worker, they would have gone to providing for himself and the family.

**[29]** Dalam kes *Ching Seng Woah v Lim Shook Lin* [1997] 1 MLJ 109; [1997] 1 CLJ 375 Mahkamah Rayuan telah memberikan 1/3 bahagian KWSP suami kepada isteri. Dalam kes *Tham Yin Kee (P) v Lim Hee Peng* [2002] MLJU 185; [2002] 1 LNS 9 mahkamah telah memberikan 50% bahagian KWSP suami kepada isteri yang sepenuh masa menguruskan rumahtangga dan jagaan anak-anak perkahwinan.

**[30]** Keterangan oleh saksi SD1 pegawai dari KWSP mengatakan mengikut rekod KWSP setakat 31 Disember 2011, terdapat sejumlah RM161,347.47 sen di dalam akaun KWSP pempetisyen. Tiada apa-apa pengeluaran simpanan/caruman dibuat pada tahun 2011. Bagaimanapun pada tahun 2007 terdapat satu pengeluaran dibuat dari akaun KWSP pempetisyen sebanyak RM32,897.38. Mengikut pempetisyen pengeluaran jumlah tersebut adalah bagi menampung pembelian rumah perkahwinan yang dibeli pada bulan September 2007. Mahkamah menerima keterangan tersebut. Pada akhir tahun 2005 (perkahwinan pada 27 November 2005) terdapat sejumlah RM61,399.39 di dalam akaun KWSP pempetisyen. Setakat 31 Jun 20012 terdapat sejumlah RM174,181.47 di dalam akaun KWSP pempetisyen. Ini

bermakna terdapat peningkatan dalam akaun KWSP pempetisyen daripada RM61,399.39 semasa tarikh berkahwin kepada RM174,181.47 ketika perkahwinan tersebut masih wujud.

**[31]** Setelah menimbangkan keterangan yang ada dan mengambil panduan daripada peruntukan s 76 Akta serta kes-kes autoriti yang dirujukkan di atas, mahkamah berpendapat responden sewajarnya diberikan 1/4 bahagian ke atas jumlah wang yang terdapat di dalam akaun KWSP pempetisyen setakat tarikh perintah ini. Oleh itu adalah diperintahkan bahawa pempetisyen memindah milik/membayar satu perempat (1/4) dari caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pempetisyen yang terkumpul setakat tarikh perintah ini kepada responden apabila pempetisyen layak membuat pengeluaran. Bagi memberi kesan kepada perintah ini, pempetisyen dikehendaki membuat penamaan (*nomination*) bahawa responden adalah benefisiari sejumlah 1/4 jumlah wang KWSP pempetisyen setakat tarikh perintah ini.

KESIMPULAN

**[32]** Mahkamah dengan itu membuat perintah-perintah seperti berikut:

(a) bahawa perkahwinan tersebut dibubarkan dan *dekri nisi* dijadikan mutlak selepas tiga bulan;

(b) bahawa pempetisyen dan responden diberi hak penjagaan bersama (*joint guardianship*) ke atas anak perkahwinan bernama Kaveeya Mohandass;

(c) bahawa responden isteri diberi hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan (*custody, care and control*) ke atas anak perkahwinan;

(d) bahawa pempetisyen diberi akses ke atas anak perkahwinan pada setiap dua minggu sekali pada hari Ahad (berselang minggu) iaitu pada minggu pertama dan keempat setiap bulan dari jam 10 pagi hingga jam 6 petang dan akses tersebut akan berjalan di kompleks membeli belah ' 1 Utama' Damansara; atau di suatu tempat lain dengan persetujuan terlebih dahulu oleh kedua-dua pihak;

(e) bahawa pempetisyen membayar nafkah bagi anak perkahwinan tersebut sebanyak RM800 sebulan mulai dari tarikh perintah ini dan bayaran tersebut dibuat tidak lewat daripada 7 haribulan pada setiap bulan dengan memasukkan jumlah bayaran ke dalam akuan bank responden;

(f) bahawa pempetisyen dan responden secara sama rata membayar untuk segala perbelanjaan pendidikan anak perkahwinan tersebut termasuk yuran tuisyen dan juga yuran kegiatan-kegiatan pendidikan yang lain dan juga yuran pengangkutan kanak-kanak;

(g) bahawa pempetisyen dan responden bertanggungan secara sama rata

terhadap segala perbelanjaan pendidikan sehingga anak perkahwinan tersebut memperolehi ijazah pertama;

(h) bahawa pempetisyen dan responden bertanggungan secara sama rata menanggung segala perbelanjaan perubatan dan pergigian anak perkahwinan tersebut;

(i) bahawa pempetisyen membayar jumlah tunggakan nafkah anak perkahwinan sebanyak RM10,200 yang tertunggak bagi bulan April 2011–Ogos 2012;

(j) bahawa pempetisyen membayar nafkah bulanan bagi responden sebanyak RM500 mulai dari tarikh perintah ini dan bayaran tersebut dibuat tidak lewat dari 7 haribulan pada setiap bulan dengan memasukkan jumlah bayaran ke dalam akaun bank responden;

(k) bahawa rumah teres dua tingkat yang terletak HS (M) 6813 PT No 2515, Mukim Rawang, Tempat Batu 16, Rawang, Selangor beralamat No 40, Lorong 3, Green Park, Rawang, Selangor dijual dalam tempoh enam bulan daripada tarikh perintah ini pada harga pasaran semasa dan hasil jualan setelah ditolak baki hutang pinjaman bank serta kos urusan jualan, dibahagikan sama rata di antara pempetisyen dan responden;

(l) bahawa pempetisyen memindahmilik/membayar satu perempat (1/4) dari akaun caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pempetisyen yang terkumpul setakat tarikh perintah ini kepada responden apabila pempetisyen layak membuat sebarang pengeluaran. Pempetisyen dikehendaki membuat penamaan (*nomination*) bahawa responden adalah benefisiari sejumlah 1/4 jumlah wang KWSP pempetisyen setakat tarikh perintah ini; dan

(m) kedua-dua pihak diberi kebebasan untuk memohon kepada mahkamah bagi mendapatkan perintah lanjut dalam memberi kesan kepada perintah-perintah di atas.

**[33]** Akhirnya kedua-dua pihak diperintahkan membayar kos masing-masing.

*Perintah seperti dipohon.*

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor